

Keanekaan Binaan Ayat dalam *Sejarah Melayu*

Nik Safiah Karim

niksafiah@yahoo.com

Wong Aw Lam Chee

wongawlamchee@gmail.com

Jabatan Bahasa Melayu,
Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya

ABSTRAK

Sejarah Melayu atau *Sulalatus Salatin* ialah sebuah *magnum opus* yang telah lama mengharumkan bahasa Melayu. Buku ini menjadi bukti penggunaan bahasa Melayu yang baik, di samping mengandungi huraian tentang cara hidup masyarakat Melayu pada masa lampau. Makalah ini menumpukan perhatian kepada keaneekaan binaan ayat bahasa Melayu dalam *Sejarah Melayu* dalam usaha melihat ciri-ciri kepengarangan pengkaryanya. Ayat dilihat dari sudut binaan ayat tunggal dan ayat majmuk, susunan biasa dan songsang serta binaan ayat pasif dan ciri-ciri kohesi dan koheren yang diwujudkan oleh kata-kata pangkal ayat. *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga* (2008) menjadi asas analisis.

Kata kunci *Sejarah Melayu*; ayat tunggal; ayat majmuk; ayat pasif; susunan ayat.

ABSTRACT

Sejarah Melayu or Sulalatus Salatin is a magnum opus and the pride of the Malay language. This book has been an example of good Malay writing as well as a source for depicting the lives of the early Malay society. This article discusses the variety of the Malay sentence in Sejarah Melayu in an attempt to describe the linguistic style of its author. Among the aspects observed are the various simple and complex sentence structures, the passive construction, sentence inversion and the role of 'introduction words' in providing cohesion and coherence. The study uses Tatabahasa Dewan Third Edition (2008) as the base for analysis.

Keywords *Sejarah Melayu; simple sentence; complex sentence; passive sentence; sentence order.*

MUKADIMAH

“Bahwa beta minta perbuatkan hikayat pada Bendahara, peri peristiwa dan peraturan segala raja-raja Melayu dengan istiadatnya sekali, supaya diketahui oleh segala anak cucu kita yang kemudian daripada kita, diingatkannya oleh mereka itu, syahdan beroleh faedahlah ia daripadanya.”

Permulaan, Sejarah Melayu.

PENGENALAN

Sejarah Melayu atau *Sulalatus Salatin* merupakan sebuah *magnum opus* yang telah mengharumkan bahasa Melayu dan menjadi bukti tentang keupayaan bahasa Melayu mengungkapkan buah fikiran dan perasaan yang bukan sahaja halus dan tersusun tetapi juga yang kreatif dan indah. Pelbagai pihak telah membuat kajian tentang buku ini dari banyak perspektif. Makalah ini bertujuan untuk melihat keanekaan dan seterusnya binaan ayat Melayu dalam *Sejarah Melayu* berdasarkan penggolongan atau penjenisan ayat yang terkandung dalam buku *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga* (2008). Sebagai langkah permulaan, akan dihuraikan dengan ringkasnya binaan asas ayat dalam bahasa Melayu yang menjadi dasar analisis ini.

SOROTAN LITERATUR

Buku *Sejarah Melayu* telah dikaji dari pelbagai sudut, terutama dari sudut sejarah, kesusasteraan dan kebudayaan. Kajian dari sudut tatabahasa agak terhad, meliputi beberapa buah latihan ilmiah dan makalah dalam buku. Karya-karya ini dapat dilihat daripada subbahagian B senarai bibliografi.

Antara aspek-aspek yang dikaji dari sudut tatabahasa ialah pola ayat (Awang Sariyan, 2009), ayat majmuk (Arockiamary Savarimuthu, 1992), ayat interogatif (Halele Ulul Azmi, 1998; Mashudi Kader & Syed Zainal Ariff Syed Jamaluddin, 2008), pengimbuhan (Mashudi Kader & Syed Zainal Ariff Syed Jamaluddin, 2008), penggandaan (Fazidah Ani Ab. Rahman, 1996; Rasyatimah Abdullah @ Abd. Razak, 2004) dan laras bahasa (Nik Safiah Karim, 1997).

BINAAN AYAT DALAM BAHASA MELAYU

Ayat ialah unit pengucapan yang paling tinggi letaknya dalam susunan tatabahasa dan mengandungi makna yang lengkap, yang pengucapannya dimulai dan diakhiri dengan kesenyapan serta mengandungi intonasi yang sempurna (Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa & Abdul Hamid Mahmood, 2008). Ayat mengandungi unsur klausa manakala klausa terbentuk daripada unsur frasa yang terdiri daripada bentuk perkataan. Dari segi hirarki, ayat berkedudukan yang paling tinggi manakala perkataan ialah unit-unit yang paling bawah, seperti yang kelihatan dalam Jadual 1 berikut.

Jadual 1 Binaan Ayat dalam Bahasa Melayu

Ayat	→	Pelajar itu belum tiba lagi.				
Klausa	→	pelajar itu belum tiba lagi				
Frasa	→	pelajar itu		belum tiba lagi		
Perkataan	→	pelajar	itu	belum	tiba	lagi

Dalam jadual di atas, perkataan-perkataan *pelajar*, *itu*, *belum*, *tiba* dan *lagi* merupakan tingkat yang paling bawah. Kelima-lima perkataan ini kemudiannya menjadi dua rangkai kata yang disebut frasa, iaitu *pelajar itu* dan *belum tiba lagi*. Setiap satu frasa merupakan bentuk bahasa yang dapat berdiri sendiri tetapi tidak berstatus subjek atau predikat. Apabila kedua-dua frasa ini digabungkan dengan satu yang berfungsi sebagai subjek (*pelajar itu*) dan yang kedua sebagai predikat (*belum tiba lagi*), maka deretan perkataan ini dikatakan berstatus klausa. Akhir sekali, pada peringkat yang paling tinggi, klausa menjadi ayat apabila terkandung di dalamnya satu bentuk pengucapan yang lengkap serta intonasi yang sempurna, iaitu *Pelajar itu belum tiba lagi*.

Dalam bahasa Melayu semua konstituen subjek ayat diisi oleh frasa nama atau perkataan yang berfungsi sebagai frasa nama. Konstituen predikat pula diisi oleh empat jenis frasa, iaitu frasa nama (FN), frasa kerja (FK), frasa adjektif (FA) dan frasa sendi nama (FS). Empat jenis pengisi konstituen ini menimbulkan empat jenis pola ayat dasar, seperti yang tergambar dalam Jadual 2 berikut.

Jadual 2 Pola Ayat Dasar Bahasa Melayu

Pola	Subjek	Predikat
Pola 1	<i>Frasa Nama</i> Pelajar itu	<i>Frasa Nama</i> mahasiswa Tahun 1.
Pola 2	<i>Frasa Nama</i> Encik Ali	<i>Frasa Kerja</i> pernah membaca buku itu.
Pola 3	<i>Frasa Nama</i> Bangunan tersebut	<i>Frasa Adjektif</i> tinggi sungguh.
Pola 4	<i>Frasa Nama</i> Mereka	<i>Frasa Sendi Nama</i> akan ke Kota Bharu.

AYAT TUNGGAL

Ayat tunggal ialah ayat yang mengandungi satu klausa sahaja, iaitu satu subjek dan satu predikat, seperti yang tergambar di bawah.

Ayat	
Subjek	Predikat

Semua empat contoh ayat di atas merupakan ayat tunggal. Yang berikut ialah empat contoh lagi.

- (1) Ahmad / guru sekolah menengah.
- (2) Berenang / menyihatkan badan.
- (3) Pasukan hoki negara / sangat handal.
- (4) Rombongan pengantin / dari tanah seberang.

SUSUNAN AYAT: SUSUNAN BIASA DAN SUSUNAN SONGSANG

Ayat dalam bahasa Melayu mempunyai dua susunan, iaitu (a) susunan biasa, dan (b) susunan songsang. Ayat dalam susunan biasa terdiri daripada *subjek* yang berada di hadapan ayat, dan *predikat* yang hadir selepas subjek. Contoh ayat dengan dalam susunan biasa:

Subjek	Predikat
(5) Saintis itu	warganegara Malaysia.
(6) Beberapa buah kedai	musnah dalam kebakaran itu
(7) Buah manggis ini	manis seperti gula.
(8) Hadiah tersebut	untuk ibu saudaranya.

Ayat dengan susunan biasa dapat disongsangkan, iaitu dengan mendepankan predikat ayat. Tujuan utama penyongsangan adalah untuk memberi penegasan kepada unsur yang terkandung dalam predikat. Ayat-ayat di atas, misalnya, dapat disongsangkan menjadi seperti yang berikut:

- 5 (a) Warganegara Malaysia / saintis itu.
- 6 (a) Musnah dalam kebakaran itu / beberapa buah kedai.
- 7 (a) Manis seperti gula / buah manggis ini.
- 8 (a) Untuk ibu saudaranya / hadiah tersebut.

JENIS SUSUNAN AYAT SONGSANG

Terdapat sekurang-kurangnya dua proses pendepanan predikat ayat, iaitu (a) pendepanan seluruh predikat, dan (b) pendepanan sebahagian daripada predikat sahaja.

PENDEPANAN SELURUH PREDIKAT

Dalam pendepanan seluruh predikat, keseluruhan konstituen predikat dibawa ke hadapan ayat, tidak kira binaannya. Perhatikan contoh-contoh berikut:

- 9 (a) *Bapanya / pegawai kanan di Bank Pertanian.*
(FN sebagai predikat)
- (b) *Pegawai kanan di Bank Pertanian / bapanya.*

- 10 (a) *Anak bongsu Mak Limah / berjaya juga akhirnya.*
(FK sebagai predikat)
- (b) *Berjaya juga akhirnya / anak bongsu Mak Limah.*

- 11 (a) Perangai budak itu / *baik sungguh*.
(FA sebagai predikat)
- (b) *Baik sungguh* / perangai budak itu.

- 12 (a) Surat itu / *dari seberang laut agaknya*.
(FS sebagai predikat)
- (b) *Dari seberang laut agaknya* / surat itu.

PENDEPANAN SEBAHAGIAN DARIPADA PREDIKAT

Dalam pendepanan sebahagian daripada predikat, tidak seluruh predikat dibawa ke hadapan tetapi bahagian-bahagian tertentu sahaja, baik dalam predikat frasa kerja, predikat frasa adjektif atau predikat frasa sendi nama .

Pendepanan Sebahagian daripada Frasa Kerja

Dalam proses ini, bahagian tertentu dalam frasa kerja dibawa ke hadapan, seperti kata kerja sahaja (kata kerja tak transitif), kata kerja dengan objek (kata kerja transitif) dan unsur keterangan. Perhatikan contoh-contoh berikut.

- 13 (a) Kanak-kanak tadika / *berkejar-kejaran* di padang sekolah.
- (b) *Berkejar-kejaran* kanak-kanak tadika di padang sekolah.

- 14 (a) Calon baharu itu / *bekerja setiap petang* di tapak semaian.
- (b) *Bekerja setiap petang* calon baharu itu di tapak semaian.

- 15 (a) Pelajar saya / *menjalani ujian* di makmal lama.
- (b) *Menjalani ujian* pelajar saya di makmal lama.

- 16 (a) Keluarga Pak Abu / *pernah berkunjung* ke ibu kota.
- (b) *Pernah berkunjung* keluarga Pak Abu ke ibu kota.

Pendepanan Sebahagian daripada Frasa Adjektif

Dalam proses ini sebahagian sahaja daripada frasa adjektif dibawa ke hadapan ayat, seperti kata adjektif sahaja, kata adjektif dengan kata bantu, dan unsur keterangan.

- 17 (a) Dia / *sakit* pada bahagian lututnya.
(b) *Sakit* dia pada bahagian lututnya.
- 18 (a) Pesakit tua itu / *belum sedar* tentang kemalangan itu.
(b) *Belum sedar* pesakit tua itu tentang kemalangan itu.
- 19 (a) Kepercayaan pemuda itu / masih teguh *hingga hari ini*.
(b) *Hingga hari ini* kepercayaan pemuda itu masih teguh.

Pendepanan Sebahagian daripada Frasa Sendi Nama

Dalam proses ini frasa sendi nama yang berfungsi sebagai unsur keterangan dibawa ke hadapan ayat. Contohnya:

- 20 (a) Kami semua / akan berpegang *pada janji*.
(b) *Pada janji* kami semua akan berpegang.
- 21 (a) Dia / ke sekolah *dengan kereta api*.
(b) *Dengan kereta api* dia ke sekolah.
- 22 (a) Buah nenas itu / manis *di pangkalnya*.
(b) *Di pangkalnya* buah nenas itu manis.

AYAT AKTIF DAN AYAT PASIF

Dalam bahasa terdapat ayat aktif dan ayat pasif. Ayat aktif terdiri daripada ayat aktif transitif dan ayat aktif tak transitif. Perhatikan contoh kedua-dua jenis ayat aktif ini:

Ayat Aktif Transitif

- (23) Petani itu akan menanam jagung tahun ini.
(24) Ibu sedang membeli sehelai baju untuk Tini.
(25) Adik membawakan ayah secawan kopi.

Ayat Aktif Tak Transitif

- (26) Pemuda tersebut mengelamun sepanjang hari.
(27) Harga kelapa sawit jatuh petang semalam.
(28) Pengembara itu berselimutkan embun setiap malam.

Ayat Pasif

Ayat pasif ialah ayat yang mengandungi kata kerja yang mengutamakan objek asal sebagai judul atau unsur yang diterangkan. Ayat aktif berasal daripada ayat aktif transitif. Mengikut *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga* (2008), ayat pasif dalam bahasa Melayu boleh dibahagikan kepada:

- (i) Ayat pasif dengan imbuhan kata kerja pasif, iaitu *di-* dan *ter-*.
- (ii) Ayat pasif dengan kata ganti nama diri pertama dan kata ganti nama diri kedua.
- (iii) Ayat pasif dengan perkataan *kena* yang hadir sebelum kata kerja.

Contoh ayat pasif dengan imbuhan *di-* dan *ter-*:

- (29) Surat itu telah *dijawab* oleh rakan kami.
- (30) Buku saya *terambil* oleh pelajar baharu itu.

Di samping itu, ayat pasif boleh juga dibentuk dengan kata kerja yang mengandungi imbuhan *ber-* dan *ke-...-an*. Contoh dalam ayat:

- (31) Baju adik untuk majlis itu belum *berjahir*.
- (32) Kerana kipas angin rosak, mereka *kepanasan* sepanjang hari.

Contoh ayat pasif dengan kata ganti nama pertama dan kedua:

- (33) Tugasan itu telah *saya selesaikan* dua hari lalu.
- (34) Sebaik-baiknya semua janji hendaklah *anda tepati*.
- (35) Budi yang baik pasti *kau kenang* selalu.
- (36) Jawapan kepada soalan itu telah *kami berikan*.

Seterusnya ialah contoh ayat pasif dengan perkataan *kena*:

- (37) Perajurit itu *kena tembak* oleh pengganas.
- (38) Budak nakal tersebut *kena kejar* oleh anjing.

AYAT MAJMUK

Ayat majmuk ialah ayat yang mengandungi lebih daripada satu subjek atau satu predikat. Ayat majmuk terdiri daripada tiga jenis, iaitu:

- a. Ayat majmuk gabungan.
- b. Ayat majmuk pancangan.
- c. Ayat majmuk campuran.

Ayat Majmuk Gabungan

Ayat majmuk gabungan ialah ayat yang terdiri daripada dua ayat atau lebih yang dijadikan satu dengan cara menggabungkan atau mencantumkan ayat-ayat tersebut dengan kata hubung seperti *dan*, *tetapi*, *atau*, *kemudian*, *malahan*, *manakala*, dan sebagainya. Contohnya:

- (39) Murid itu bernyanyi *dan* menari.
- (40) Dengan perlahannya dia bangun dari katilnya, *kemudian* berjalan ke jendela.
- (41) Tulisannya agak cantik *tetapi* dia tidak suka membuat latihan menulis.

AYAT MAJMUK PANCANGAN

Ayat majmuk pancangan ialah ayat yang terdiri daripada satu klausa bebas (ayat induk) dan satu klausa tak bebas (ayat kecil). Ayat majmuk pancangan terdiri daripada tiga jenis, iaitu:

- a. Ayat majmuk relatif.
- b. Ayat majmuk komplemen.
- c. Ayat majmuk keterangan.

Ayat majmuk relatif ditandai oleh kata hubung *yang*. Contohnya:

- (42) Bangunan *yang* tinggi itu kepunyaan seorang peguam.
- (43) Kami akan menziarahi beliau *yang* masih di hospital.

Ayat majmuk komplemen ditandai oleh kata hubung *bahawa* dan *untuk*. Contohnya:

- (44) Kami memaklumkan beliau *bahawa* kami akan ke kedai buku.
- (45) *Untuk* dia mengatasi masalah itu agak sukar.

Ayat majmuk keterangan ditandai oleh kata-kata hubung seperti *dengan*, *apabila*, *kerana*, dan *jika*. Contohnya:

- (46) Mereka menyeberangi sungai itu *dengan* menggunakan rakit buluh.
- (47) *Apabila* dia menjerit, semua orang memandang kepadanya.
- (48) Ramai tidak dapat menjawab soalan itu *kerana* agak sukar.
- (49) *Jika* saya lulus ujian itu, saya akan berpuasa tiga hari.

AYAT MAJMUK CAMPURAN

Ayat majmuk campuran ialah ayat yang mempunyai lebih daripada satu jenis ayat yang terdiri daripada campuran beberapa ayat majmuk. Contohnya:

- (50) Azrul *dan* Kumar membaca karangan *yang* ditulis oleh Denis.
- (51) Peter *dan* Zuril mengatakan *bahawa* tugas itu telah diselesaikan oleh kumpulan mereka.
- (52) *Apabila* hujan turun, mereka berteduh di bawah pokok *yang* rendang itu.
- (53) Rombongan itu ke kawasan banjir *untuk* memberi bantuan kepada mereka *yang* dilanda musibah itu.

KESIMPULAN

Bahagian ini telah menghuraikan, dengan serba ringkasnya, binaan ayat dalam bahasa Melayu. Dengan berdasarkan huraian ini, bahagian seterusnya akan meneliti ayat-ayat dalam buku *Sejarah*

Melayu sambil membuat analisis terhadap binaan yang digemari oleh pengarangnya. Akan dilihat juga ciri-ciri binaan ayat yang unik bagi gaya kepengarangan dalam *Sejarah Melayu*.

KEANEKAAAN BINAAN AYAT DALAM *SEJARAH MELAYU*

Bahagian ini akan menumpukan perhatian kepada beberapa aspek binaan ayat dalam *Sejarah Melayu*, terutama dari segi kepelbagaian dan keanekaan ayat tunggal dan ayat-ayat majmuk.

PENDAHULUAN

Teks *Sejarah Melayu*, baik dalam versi bahasa Melayu mahupun bahasa Inggeris terdapat dalam pelbagai jenis. Antara teks *Sejarah Melayu* dalam bahasa asalnya yang dianggap paling memuaskan dan tersebar dengan luasnya ialah yang diusahakan oleh William Girdlestone Shellabear. Inilah teks yang diambil sebagai bahan kajian untuk penyelidikan ini.

Buku berkenaan mula-mula diterbitkan oleh Malay Publishing House, Singapura, pada tahun 1896. Kemudiannya, edisi kedua buku ini diterbitkan oleh Oxford University Press pada tahun 1967, lalu dicetak beberapa kali. Selanjutnya, edisi ketiga (ejaan baharu) buku ini mula diterbitkan di Malaysia pada tahun 1977, oleh Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., Petaling Jaya, Selangor, dan setakat tahun 1979, pencetakannya telah mencapai lima kali.

Dalam buku yang diusahakan oleh W. G. Shellabear, teks *Sejarah Melayu* yang meliputi 239 halaman bercetak ini telah dibahagikan kepada tiga puluh empat cetera, di mana *Cetera Yang Pertama* didahului oleh bahagian *Mukadimah*. Di samping itu, *Kata Pengantar* dan *Catatan* telah juga disediakan oleh beliau, masing-masing berhalaman 5½ dan 23.

Teks yang tebal ini tidak mungkin dibicarakan dengan telitinya jikalau keseluruhannya perlu ditinjau dalam kertas yang pendek ini. Oleh hal yang demikian, bahan yang dikaji hanya menjurus kepada pelbagai ayat yang terdapat dalam *Cetera Yang Kedua* yang meliputi 10¾ halaman bercetak. Sebelum memasuki aspek penganalisan, kisah *Cetera Yang Kedua* akan dibuat pengenalan secara ringkas seperti yang digambarkan di bawah ini.

KISAH CETERA YANG KEDUA

Kisah *Cetera Yang Kedua* bermula di Bukit Siguntang yang terletak di Palembang sekarang. Ketiga-tiga orang anak cucu Raja Iskandar Zulkarnain, iaitu Nila Pahlawan, Kerisyana Pandita dan Nila Utama turun dari keinderaan ke Bukit Sigundang dan bertemu dengan Wan Empuk dan Wan Malini. Nila Pahlawan anak raja yang tertua dinamai oleh kedua-dua wanita itu Sang Sapurba. Oleh sebab ketiga-tiga orang anak beraja itu berketurunan istimewa, raja-raja dari segala negeri pun datang menghadap mereka. Raja Palembang, Demang Lebar Daun, setelah berwaadat berteguh-teguh janji dengan Sang Sapurba, mengahwinkan anaknya, Wan Sendari, kepada Sang Sapurba serta turun menjadi mangkubumi, manakala Sang Sapurba diangkatnya sebagai raja baharu di Palembang.

Sang Sapurba dan Wan Sendari mempunyai dua orang anak lelaki dan dua orang anak perempuan. Pada suatu ketika, Raja China mengutus ke Palembang untuk meminang anakanda Sang Sapurba. Setelah bermesyuarat dengan segala menteri, Sang Sapurba pun mengahwinkan anak perempuan pertamanya, Putri Seri Dewi, kepada Raja China. Kemudiannya, setelah merajakan anak ceteria China yang beristerikan Putri Tunjong Buih itu di negeri Palembang, Sang Sapurba, diikuti oleh permaisurinya, Demang Lebar Daun, menteri-menteri dan segala pengikutnya, pun berangkatlah dari Kuala Palembang ke laut untuk mencari tempat yang baik bagi berbuat negeri.

Dalam perjalanannya, ketika singgah di Tanjung Pura, Sang Sapurba mengahwinkan anak perempuan keduanya, Putri Cendera Dewi, kepada ratu Majapahit, yang bernama Batara Majapahit. Selain itu, di tempat yang sama, Sang Sapurba mengahwinkan anak lelakinya, Sang Maniaka kepada anak Raja Tanjung Pura. Sang Maniaka kemudiannya dirajakan di situ. Tidak lama kemudian, Raja Bentan, Permaisuri Iskandar Syah menjemput Sang Sapurba ke Bentan. Permaisuri itu mengahwinkan anaknya, Wan Seri Beni kepada anak lelaki kedua Sang Sapurba, Sang Nila Utama. Sang Nila Utama kemudiannya menggantikan Permaisuri itu sebagai raja di situ.

Akhirnya Sang Sapurba tiba di Kuala Kuantan dan dengan titahnya segala orang mudik ke hulu sungai. Setelah dilihat baik parasnya dan diketahui latar belakangnya, segala orang Minangkabau bermesyuarat hendak merajakan Sang Sapurba di situ. Apabila Sang Sapurba, dengan bantuan hulubalangnya, Permasku Mambang memenuhi syarat yang

dikemukakan oleh mereka, iaitu membunuh ular Saktimuna yang selalu membinasakan perhumaan mereka itu, Sang Sapurba pun dipertuan dan dirajakan oleh orang Kuantan di Minangkabau.

AYAT TUNGGAL

Ayat dalam bahasa Melayu terdiri daripada binaan subjek yang diikuti oleh predikat. Seperti yang telah dinyatakan, dalam bahasa Melayu terdapat empat pola ayat dasar, iaitu:

	Subjek		Predikat		Pola Ayat
(i)	Frasa Nama	+	Frasa Nama		FN + FN
(ii)	Frasa Nama	+	Frasa Kerja		FN + FK
(iii)	Frasa Nama	+	Frasa Adjektif		FN + FA
(iv)	Frasa Nama	+	Frasa Sendi Nama		FN + FS

Mengikut susunannya, ayat-ayat tunggal dalam bahasa Melayu boleh tergolong dalam tiga jenis, iaitu:

- (i) Ayat dengan susunan biasa (S + P).
- (ii) Ayat dengan susunan songsang (P + S).
- (iii) Ayat dalam binaan pasif.

Untuk perbincangan ini, aspek-aspek berikut akan disentuh:

- (a) Pola ayat susunan biasa FN + FN.
- (b) Pola ayat susunan biasa FN + FK.
- (c) Pola ayat susunan biasa FN + FA.
- (d) Pola ayat susunan biasa FN + FS.
- (e) Pola ayat susunan songsang FN + FN.
- (f) Pola ayat susunan songsang FN + FK.
- (g) Pola ayat susunan songsang FN + FA.
- (h) Pola ayat susunan songsang FN + FS.
- (i) Ayat pasif susunan biasa.
- (j) Ayat pasif susunan songsang.

Jadual 3 menunjukkan jumlah ayat dalam *Cetera Yang Kedua* yang dikaji, mengikut binaan dan susunannya.

Jadual 3 Susunan Binaan Ayat Bagi Ayat-ayat Dalam *Cetera Yang Kedua*

Susunan	Jumlah
Susunan biasa, iaitu Subjek + Predikat	
FN + FN	29
FN + FK	44
FN + FA	6
FN + FS	10
	89
Susunan songsang, iaitu Predikat + Subjek	
FN + FN	4
FN + FK	38
FN + FA	10
FN + FS	2
	54
Ayat pasif susunan biasa	15
Ayat pasif susunan songsang	4
	19
Jumlah	162

Seperti yang tergambar dalam Jadual 3 di atas, jumlah ayat tunggal dalam korpus ini ialah 162, meliputi ayat dengan susunan biasa (89 kali), ayat dengan susunan songsang (54 kali) dan ayat pasif (19 kali). Dalam ayat tunggal susunan biasa, pola FN + FK (44 kali) paling digemari diikuti oleh pola FN + FN (29 kali), pola FN + FA (10 kali) dan pola FN + FS (6 kali). Dalam ayat tunggal susunan songsang pula, pola FN + FK (38 kali) paling digemari, diikuti oleh pola FN + FA (10 kali), pola FN + FN (4 kali) dan pola FN + FS (2 kali). Juga, dalam ayat tunggal pasif, ayat susunan biasa (15 kali) lebih digemari daripada ayat susunan songsang (4 kali) oleh pengarang *Sejarah Melayu*.

SUSUNAN BIASA (S + P)

Bahagian ini akan melihat pelbagai binaan ayat dalam *Sejarah Melayu* mengikut susunan biasa.

POLA FRASA NAMA + FRASA NAMA (FN + FN)

Kelihatan bahawa pola ayat biasa ini sangat digemari oleh pengarang *Sejarah Melayu*. Seperti yang tergambar dalam Jadual 3, jumlah ayat tunggal jenis ini ialah 29. Contoh pola ayat biasa ini adalah seperti yang berikut:¹

- (1) Kendaraannya lembu putih seperti perak rupanya.
- (2) Kenaikan baginda lancang emas pembujangan.
- (3) Melayu namanya.
- (4) Adapun pada zaman itu ratu Majapahit itu raja besar.
- (5) Dan nama kami seorang ini Nila Pahlawan.
- (6) Bahwa nama raja kami ini Sang Sapurba.
- (7) Kami ini bangsa manusia.
- (8) Yang satu ini cap kayu.

Daripada contoh-contoh di atas dapat dilihat kepelbagaian dan keanekaan binaan pola ayat FN + FN susunan biasa dalam *Sejarah Melayu*. Pertama ialah unsur kepanjangan. Ada ayat yang terdiri hanya daripada tiga perkataan (ayat 3), iaitu satu perkataan sebagai subjek (Melayu) dan dua perkataan sebagai predikat (nama + -nya). Ada yang lebih panjang, yang terdiri daripada empat (ayat 7) dan lima perkataan (ayat 2). Yang paling panjang dalam korpus ini ialah ayat (4) dengan lapan patah perkataan, iaitu tiga dalam subjek (ratu Majapahit itu) dan lima dalam predikat (raja besar [adapun] pada zaman itu).

Demikian juga dengan binaan frasa-frasa dalam ayat, yang kesemuanya frasa nama. Jumlah perkataan juga berbeza-beza, daripada satu (Melayu) kepada dua (kami ini), tiga (lancang emas pembujangan) hinggalah enam (lembu putih seperti perak rupa + -nya). Dari segi bentuk kata, ada yang merupakan kata nama tunggal (nama), kata nama terbitan (kenaikan) dan kata nama majmuk (lancang emas pembujangan). Tiada kata ganda ditemui dalam sampel ini.

Dari segi golongan kata, kesemua jenis kata nama hadir dalam ayat-ayat ini, iaitu kata nama khas (Nila Pahlawan), kata nama am (raja) dan kata ganti nama (kami). Dari segi binaan frasa nama, sekali lagi kelihatan kepelbagaian. Terdapat frasa nama yang terdiri daripada satu perkataan (nama), dua perkataan (raja besar), tiga perkataan (nama raja kami) dan lebih (lembu putih seperti perak rupanya). Agak menarik juga ialah hakikat bahawa dalam sampel ini ditemui binaan frasa nama yang bermula dengan nominal *yang* (yang satu ini). Dalam

bahasa Melayu, yang bukan sahaja kata hubung relatif tetapi juga juga nominal atau pengganti nama yang telah digugurkan dalam binaan *frasa nama + yang* (Nik Safiah Karim et al., 2008).

Kesimpulannya, pola ayat tunggal FN + FN susunan biasa dalam *Sejarah Melayu* agak kerap digunakan dalam pelbagai binaannya.

POLA FRASA NAMA + FRASA KERJA (FN + FK)

Binaan ayat ini ialah binaan yang paling digemari oleh pengarang *Sejarah Melayu*. Seperti yang tergambar dalam Jadual 3, jumlah ayat tunggal jenis ini ialah 44. Daripada jumlah ini, yang paling digemari ialah ayat tunggal dengan kata kerja tak transitif, iaitu sebanyak 32 ayat. Ayat-ayat dengan kata kerja jenis ini pelbagai bentuknya; ada yang hadir tanpa imbuhan dan ada yang berimbuhan. Ada yang hadir tanpa unsur keterangan dan ada yang diikuti oleh unsur keterangan. Perhatikan contoh-contoh berikut:

- (9) Suami baginda itu sudah *hilang*.
- (10) Maka Demang Lebar Daun pun segera *datang*.
- (11) Maka baginda pun *naiklah* ke atas kendaraan baginda lembu putih itu.
- (12) Maka ia *berjalan* pula ke Bukit Siguntang itu.
- (13) Dan tanah nagara bukit ini *menjadi* seperti warna emas.
- (14) Maka baginda laki-isteri pun *berangkat* ke Palembang.

Secara bandingan, pola FN + FK dengan kata kerja transitif amat kurang, yang berikut ialah beberapa contoh yang ditemui:

- (15) Yang seorang itu *memakai* pakaian kerajaan.
- (16) Seorang *memegang* pedang kerajaan.
- (17) Bat *menukangnya*.
- (18) Wan Sendari pun *memakai* kain baru daimani.

Dari segi kepanjangan ayat, sifatnya berbeza-beza. Ada ayat yang agak pendek seperti ayat (17) di atas dan (19) serta (20) di bawah; ada yang sederhana panjang (21, 22) dan ada yang agak panjang (23, 24).

- (19) Maka ia pun *pergilah*.
- (20) Seorang *memegang* lembing.
- (21) Maka keduanya *naik* ke atas Bukit Siguntang.
- (22) Maka Sang Sapurba pun *kahwinlah* dengan Wan Sendari.

- (23) Maka ketiga anak raja itu bertanyakan ayahnya kepada nenda baginda Raja Aftabul Ard.
- (24) Adapun Tuanku, segala anak cucu patik sedia akan jadi hamba ke bawah Duli Yang Dipertuan.

Didapati bahawa satu pola binaan yang menarik ialah kehadiran *FN subjek + pun + KK + -lah*, seperti dalam contoh-contoh berikut:

- (25) Maka *baginda pun naiklah* ke atas kendaraan baginda ...
- (26) Maka *utusan itu pun bermohonlah* ke bawah Duli Sang Sapurba.
- (27) Setelah itu maka *Sang Sapurba pun berangkatlah*.

Pada hemat pengkaji, kehadiran binaan *pun + ... + -lah* ini seolah-olah untuk memberi tekanan kepada aspek kesinambungan cerita.

Kesimpulannya, pola ayat tunggal FN + FK sangat menarik oleh sebab kepelbagaian binaannya.

POLA FRASA NAMA + FRASA ADJEKTIF (FN + FA)

Secara bandingan, jumlah ayat tunggal dengan pola FN + FA susunan biasa sangat terhad, iaitu hanya enam. Binaan FA predikat juga terhad, iaitu empat dengan kata penguat *terlalu* dan tiga dengan kata adjektif *sukacita*, seperti kelihatan dalam contoh-contoh berikut:

- (28) Dan pakaiannya pun terlalu indah-indah.
- (29) Maka ia pun terlalu sukacita.
- (30) Suatu pun tiada merbahayanya.
- (31) Maka ia pun terlalu sukacita.
- (32) Maka menteri utusan Raja China itu pun terlalu sukacita.
- (33) Ia pun sangat kasih akan Duli Sang Sapurba.

Kelihatan juga bahawa ayat-ayat dengan pola ini sederhana panjangnya, iaitu antara 5 - 8 patah perkataan.

POLA FRASA NAMA + FRASA SENDI NAMA (FN + FS)

Ayat tunggal susunan biasa dengan pola FN + FS juga terhad dalam *Sejarah Melayu*. Daripada sampel yang dikaji hanya terdapat 10 ayat sedemikian. Perhatikan contoh-contoh berikut:

- (34) Asalnya *daripada* anak cucu Raja Suran.
- (35) Asal kami *daripada* anak cucu Raja Iskandar Zulkarnain.
- (36) Nisab kami *daripada* Raja Nusyirwan Adil.
- (37) Dan pancar kami *daripada* Raja Sulaiman alaihis salam.
- (38) Sekaliannya *dengan* persembahannya.
- (39) Dan permaisuri *di* lancang perak.
- (40) Rupa tiangnya *seperti* pohon kayu.
- (41) Dan rupa tunggul panji-panji *seperti* awan berarak.
- (42) Dan rupa payung segala raja-raja *seperti* mega berangkat.
- (43) Asalnya *daripada* anak cucu Raja Iskandar Zulkarnain.

Daripada 10 contoh ayat di atas, kelihatan bahawa pemakaian kata sendi nama *daripada* paling banyak digunakan (5 kali), diikuti oleh kata sendi nama *seperti* (3 kali), dan kata sendi nama *dengan* dan *di* (masing-masing 1 kali).

SUSUNAN SONGSANG (P + S)

Dalam penggunaan bahasa sehari-hari, kita tidak sahaja menggunakan ayat susunan biasa, tetapi kita sering juga menggunakan ayat susunan songsang. *Sejarah Melayu*, sebuah karya sastra lama, memperlihatkan ciri yang sama ini. Daripada contoh dengan huraian di atas, telah diperoleh satu gambaran yang ringkas tetapi menarik terhadap ciri-ciri kesemua empat jenis ayat susunan biasa bahasa Melayu dalam *Sejarah Melayu*. Selanjutnya, dalam perbincangan yang berikut, akan diuraikan pula ciri-ciri kesemua empat jenis ayat susunan songsang dalam bahan yang dikaji ini.

POLA FRASA NAMA + FRASA NAMA (FN + FN)

Telah diterangkan di bahagian hadapan bahawa ayat boleh disongsangkan apabila predikat atau unsur keterangan dalam predikat hendak difokuskan. Predikat atau unsur predikat yang difokuskan itu akan dibawa ke hadapan ayat dan mendahului subjek. Dalam binaan ayat ini, penggunaan partikel *-lah* memainkan peranan dalam menunjukkan bahawa bahagian predikat dipentingkan. Perhatikan contoh-contoh berikut:

- (44) *Inilah* yang kita lihat semalam itu.
- (45) *Itulah* Gunung Lingga.
- (46) *Bagindalah* yang pertama nobat.
- (47) Lagi pada zaman itu *ialah* yang pergi ke benua Siam.

Partikel *-lah* dalam ayat-ayat di atas menjadi tanda bahawa perkataan *ini*, *itu*, *baginda* dan *ia* ialah FN predikat. Selain itu, perlu disedari juga bahawa contoh ayat (47) telah mengalami proses pendepanan, iaitu pendepanan frasa sendi nama *pada zaman itu*. Susunan biasa ayat-ayat di atas adalah seperti yang di bawah:

- 44 (a) Yang kita lihat semalam itu *ini*.
- 45 (a) Gunung Lingga *itu*.
- 46 (a) Yang pertama nobat *Baginda*.
- 47 (a) Yang pergi ke benua Siam pada zaman itu *ia*.

Kehadiran ayat jenis ini agak terhad dalam bahan yang dikaji, dan jumlahnya hanya 4.

POLA FRASA NAMA + FRASA KERJA (FN + FK)

Binaan ayat ini banyak digunakan dalam bahan yang dikaji, iaitu sebanyak 38. Binaan ayat ini terdiri daripada predikat FK yang mendahului subjek FN. Kebanyakan jenis ayat ini hadir dengan mendepani ayat dialog atau percakapan, baik ayat penyata biasa mahupun ayat tanya dan ayat perintah. Contohnya:

- (48) Kata sahibul hikayat.
- (49) Maka di hulu Muara Tatang itu ada sebuah sungai.
- (50) Maka sahut seorang dalam tiga itu.
- (51) Maka sembah Demang Lebar Daun ke bawah Duli Sang Sapurba.

Dalam contoh ayat (48), perkataan *kata* ialah bentuk kata kerja dalam ayat ini. Apabila *kata* bercantum dengan awalan *ber-*, kata kerja ini akan menjadi kata kerja terbitan *berkata*. Demikian juga apabila *Kata sahibul hikayat* disusun semula, ayat susunan songsang ini akan menjadi ayat susunan biasa *Sahibul hikayat berkata*. Dalam contoh

ayat (49) pula, perkataan *ada* ialah bentuk kata kerja dalam ayat untuk menerangkan subjek FN *sebuah sungai*. Dapat diperhatikan juga bahawa penerang frasa sendi nama *di hulu Muara Tatang* sebagai sebahagian daripada predikat ayat ini telah dibawa ke hadapan ayat. Apabila *Di hulu Muara Tatang itu ada sebuah sungai* disusun semula, iaitu dengan membawa frasa kerja *ada* dengan penerang frasa sendi namanya *di hulu Muara Tatang* ke belakang ayat, ayat susunan songsang ini akan menjadi ayat susunan biasa *Sebuah sungai ada di hulu Muara Tatang*.

Susunan biasa ayat (50) dan (51) di atas adalah seperti yang di bawah:

- 50 (a) Seorang dalam tiga itu menyahut.
- 51 (a) Demang Lebar Daun meyembah ke bawah Duli Sang Sapurba.

Dalam sampel yang dikaji, kebanyakan ayat yang disongsangkan pendek-pendek dan bersifat sama, iaitu dalam bentuk *maka kata/ sahut/ sembah + FN*.

POLA FRASA NAMA + FRASA ADJEKTIF (FN + FA)

Seperti pola ayat susunan biasa FN + FA, dalam bahan yang dikaji, contoh binaan ayat ini juga terhad, iaitu sebanyak 10 kali. Contohnya:

- (52) Telah hampirlah masak padi itu.
- (53) Setelah besarlah, terlalu baik parasnya anak raja ketiga itu.
- (54) Dahulu kala negeri itu terlalu besar.
- (55) Maka terlalulah sukacita baginda.

Dalam contoh ayat (53), subjek FN ialah *anak raja ketiga itu* manakala predikat FA ialah *terlalu baik parasnya setelah besarlah*. Dalam contoh (54) pula, subjek FN ialah *negeri itu* manakala predikat FA ialah *terlalu besar dahulu kala*. Dengan diperbandingkan kedua-dua ayat ini, jelaslah bahawa proses pendepanan seluruh predikat telah berlaku pada contoh ayat (53) sedangkan proses pendepanan sebahagian daripada predikat telah berlaku pula pada contoh ayat (54). Apabila disusun semula, kedua-dua ayat songsang ini masing-masing akan menjadi ayat susunan biasa *Anak raja ketiga itu terlalu baik parasnya setelah besarlah*, dan *Negeri itu terlalu besar dahulu kala*.

Susunan biasa ayat-ayat yang lain di atas adalah seperti yang di bawah:

- 52 (a) Padi itu telah hampirlah masak.
- 55 (a) Baginda terlalu sukacita.

POLA FRASA NAMA + FRASA SENDI NAMA (FN + FS)

Contoh pola ayat songsang ini tidak banyak kelihatan dalam bahan yang dikaji, hanya terdapat 2. Antaranya:

- (56) Di hulunya Gunung Mahameru.
- (57) Pada suatu ceritera baginda itu daripada anak cucu Putra Asmara Ningrat.

Dalam contoh ayat (56), subjek FN ialah *Gunung Mahameru* manakala predikat FS ialah *di hulunya*. Dalam contoh ayat (57) pula, subjek FN ialah *baginda itu* manakala predikat FS ialah *daripada anak cucu Putra Asmara Ningrat pada suatu ceritera*. Dalam hal ini, contoh ayat (56) telah mengalami proses pendepanan seluruh predikat sedangkan contoh ayat (57) pula mengalami proses pendepanan sebahagian daripada predikat. Satu hal yang perlu disedari juga adalah dalam contoh ayat (57), predikat FS terdiri daripada dua frasa sendi nama yang berlainan; frasa sendi nama *pada suatu ceritera* menerangkan frasa sendi nama *daripada anak cucu Putra Asmara Ningrat*. Susunan biasa ayat-ayat ini adalah seperti yang di bawah:

- 56 (a) Gunung Mahameru di hulunya.
- 57 (a) Baginda itu daripada anak cucu Putra Asmara Ningrat pada suatu ceritera.

DERETAN AYAT TUNGGAL

Satu perkara yang menarik tentang binaan ayat dalam *Sejarah Melayu* ialah kehadiran ayat-ayat tunggal secara berderetan, satu demi satu, dipisahkan oleh tanda koma. Dari satu segi ayat sedemikian dapat dianggap sebagai ayat majmuk gabungan yang sangat panjang. Dalam hal ini, pengarang menggunakan deretan ayat tunggal ini sebagai

unsur mengeratkan pertalian antara fakta yang ingin disampaikan. Perhatikan contoh berikut:

- (58) Kata sahibul hikayat, ada sebuah negeri di tanah Andelas, Perlembang namanya, Demang Lebar Daun nama rajanya, asalnya daripada anak cucu Raja Suran, Muara Tatang nama sungainya.

Ayat di atas terdiri daripada enam ayat tunggal, yang pertama dan kedua berpola FN + FK, yang ketiga, keempat dan keenam FN + FN dan satu (ayat kelima) berpola FN + FS. Pecahannya adalah seperti yang berikut:

- 58 (a) Kata sahibul hikayat.
(b) Ada sebuah negeri di tanah Andelas.
(c) Perlembang namanya.
(d) Demang Lebar Daun nama rajanya.
(e) Asalnya daripada anak cucu Raja Suran.
(f) Muara Tatang nama sungainya.

Yang berikut pula ialah contoh kedua.

- (59) Sebermula, dihikayatkan oleh orang yang empunya hikayat, adapun negeri Palembang itu Palembang yang ada sekarang inilah; dahulukala negeri itu terlalu besar, dan akan raja Palembang yang bernama Demang Lebar Daun itu, ada beranak seorang perempuan terlalu baik parasnya, tiada berbanding parasnya pada zaman itu, Wan Sendari namanya.

Ayat di atas terdiri daripada tujuh ayat, dua daripadanya terdiri daripada ayat majmuk, iaitu ayat majmuk gabungan dengan kata hubung *dan* dan dua ayat majmuk relatif dengan kata hubung *yang*. Pecahannya adalah seperti yang berikut:

- 59 (a) Sebermula, dihikayatkan oleh orang yang empunya hikayat.
(b) Adapun negeri Palembang itu Palembang yang ada sekarang inilah.
(c) Dahulukala negeri itu terlalu besar.

- (d) Akan raja Palembang yang bernama Demang Lebar Daun itu, ada beranak seorang perempuan.
- (e) Terlalu baik parasnya.
- (f) Tiada berbanding parasnya pada zaman itu.
- (g) Wan Sendari namanya.

Demikianlah dua contoh ayat yang terdiri daripada deretan ayat-ayat tunggal sebagai satu gaya pengarang *Sejarah Melayu*. Gejala ini terdapat dengan agak banyaknya juga dalam kebanyakan cetera berjumlah 34 semuanya.

AYAT PASIF

Telah dinyatakan di atas bahawa ayat pasif dalam bahasa Melayu dapat terdiri daripada beberapa jenis, antaranya: (i) ayat pasif dengan imbuhan kata kerja pasif *di-* dan *ter-*, (ii) ayat pasif dengan kata ganti nama orang pertama dan kedua, dan (iii) ayat pasif dengan perkataan *kena*.

Dalam usaha untuk melihat binaan ayat pasif dalam *Sejarah Melayu*, tinjauan dibuat terhadap enam halaman pertama cetera kedua, meliputi kira-kira 4,000 patah perkataan. Yang berikut ialah beberapa pemerhatian.

KEHADIRAN

Daripada bahan yang dikaji, kelihatan bahawa kehadiran ayat pasif dalam *Sejarah Melayu* tidak seimbang. Binaan yang paling banyak ialah binaan dengan orang ketiga dengan kata kerja pasif *di-*, iaitu berjumlah 60. Yang lain ialah binaan dengan awalan *ter-*, yang ditemui hanya satu, dan satu binaan pasif dengan kata ganti orang pertama. Bentuk-bentuk pasif lain tidak ditemui. Dengan kata lain, pengarang *Sejarah Melayu* memperlihatkan kegemaran kepada binaan ayat pasif orang ketiga dengan awalan *di-*. Yang berikut ialah beberapa contoh ayat pasif dalam *Sejarah Melayu*.

- (60) Maka *tersebutlah* perkataan anak Raja Suran yang tiga bersaudara ...
- (61) Akan pinta bapa itu *hamba kabulkanlah*.

- (62) Maka yang tua *dinamai* oleh Raja Aftabul Ard Nila Pahlawan.
- (63) ... ketiga cunda baginda itu *diberinya* memakai alat kerajaan dengan lengkapnya.
- (64) Maka oleh Sang Sapurba segala raja-raja yang datang itu semuanya *diberi* persalin.

DERETAN AYAT PASIF

Seperti juga dengan ayat tunggal, dapat dikenal pasti binaan deretan ayat pasif, iaitu meliputi deretan dua, tiga dan empat ayat pasif, seperti ternyata dalam contoh berikut:

- (65) Maka *tersebut* perkataan anak Raja Suran yang tiga bersaudara yang *dipeliharakan* oleh Raja Aftabul Ard. – deretan dua ayat pasif.
- (66) Maka daripada anak cucu merekalah *digelar* oleh Sang Sapurba, yang laki-laki *dinamai* baginda Awang, dan yang perempuan *dipanggil* baginda Dara. – deretan tiga ayat pasif.
- (67) ... telah pagi hari, *dilihatnya* putri itu kedal tulah sebab *dijamah* baginda itu, maka *ditinggalkan* baginda; dengan demikian kurang esa empat puluh yang sudah *diperisteri* baginda, semuanya kedal juga. – deretan empat ayat pasif.

Di atas ialah tiga contoh ayat pasif, masing-masing menunjukkan kehadiran dua, tiga dan empat deretan ayat pasif. Berdasarkan bahan yang dikaji, jumlah deretan ayat pasif tidaklah terlalu banyak, iaitu hanya tujuh, terdiri daripada tiga deretan dua ayat, tiga deretan tiga ayat dan satu deretan empat ayat. Dipercayai unsur deretan ayat pasif ini terdapat dalam cetera-cetera selanjutnya.

KEANEKAAN BINAAN AYAT PASIF ORANG KETIGA

Disebabkan jumlah kehadiran ayat pasif orang ketiga amat tinggi, perhatian seterusnya ditumpukan pada binaan ini, untuk melihat, terutamanya, aspek keanekaannya.

Pertama, telah dinyatakan bahawa binaan yang paling banyak ialah binaan dengan awalan *di-*. Secara bandingan binaan dengan awalan *ter-* dan dengan kata ganti nama diri amat terhad, iaitu masing-

masing satu. Dua contoh ayat pasif selain dengan imbuhan *di-* ini telah diberikan dalam contoh (60) dan (61).

Tentang ayat pasif dengan awalan *di-*, jumlahnya agak banyak, iaitu sebanyak 60 pada enam halaman pertama cetera kedua. Daripada 60 ini, terdapat enam jenis, seperti yang berikut, iaitu:

- (i) Binaan FN subjek + *di-* + *KKpas* + *oleh* + FN.
- (ii) Binaan FN subjek + *di-* + *KKpas* + FN.
- (iii) Binaan FN subjek + *di-* + *KKpas* + *-nya*.
- (iv) Binaan FN subjek + *di-* + *KKpas*.
- (v) Binaan pendepanan frasa *oleh* + FN.

Binaan FN subjek + di- + KKpas + oleh + FN

Binaan ini merupakan binaan yang lazim bagi ayat pasif orang ketiga dalam bahasa Melayu hingga hari ini, iaitu dengan subjeknya terdiri daripada frasa nama diikuti oleh kata kerja pasif dengan awalan *di-* dan diakhiri dengan frasa *oleh* + FN. Frasa *oleh* + FN dapat diikuti oleh unsur keterangan lain. Yang berikut ialah beberapa contoh, dengan binaan predikat ayat dicetak condong.

- (68) Anak Raja Suran yang tiga bersaudara yang *dipeliharakan oleh Raja Aftabul Ard.*
- (69) ... anak raja itu *dinamai oleh Wan Empuk dan Wan Malini Sang Sapurba.*
- (70) ... Wan Sendari itupun *dipersembahkan oleh Demang Lebar Daun ke bawah Duli Sapurba.*

Dalam sampel ini sebanyak 16 ayat pasif jenis ini dijumpai.

Binaan FN subjek + di- + KKpas + FN

Binaan ini merupakan binaan yang paling banyak digunakan dalam bahan yang dikaji, iaitu sebanyak 24. Binaan ini terdiri daripada FN subjek diikuti oleh kata kerja pasif dan FN objek, tanpa kata sendi nama *oleh*. Unsur keterangan boleh hadir selepas FN. Contohnya:

- (71) ... anak yang tengah *dinamai Kerisyana Pandita.*
- (72) Itulah sebabnya *dianugerahkan Allah subhanahu wataalah pada segala raja-raja Melayu.*
- (73) Telah itu nasi santapan pun *diangkat orang.*

Binaan FN subjek + di- + KKpas + -nya

Binaan ini ialah variasi kepada binaan (i) di atas, iaitu yang menggugurkan seluruh frasa *oleh + FN* dan menggantikannya dengan bentuk *-nya* yang ditulis bercantum dengan kata kerja pasif. Perhatikan ayat (74); binaan *dibawanya* dengan senang dapat bertukar dengan *dibawa olehnya*. Demikian juga dengan ayat (75), dengan *dilihatnya* boleh bertukar ganti dengan *dilihat olehnya*. Jumlah ayat pasif jenis ini didapati sebanyak 13 dalam sampel yang dikaji.

- (74) Maka anak raja itupun *dibawanya* kembali ke rumahnya.
- (75) Maka *dilihatnya* padinya berbuahkan emas ...
- (76) Maka Raja China mengutus ke Palembang ... sepuluh buah pilu ... *dibawanya* sekaliannya bingkis Raja China akan Sang Sapurba.

Binaan FN subjek + KKpas

Kategori ini merupakan binaan ayat pasif yang terdiri daripada subjek diikuti oleh kata kerja pasif tanpa diikuti oleh frasa nama objeknya. Kadang-kadang unsur keterangan hadir selepas kata kerja pasif. Contohnya:

- (77) Dan jika ia berdosa, sebesar-besar dosanya pun, jangan *difadhiatkan*, *dinista* dengan kata-kata yang jahat; jikalau besar dosanya, *dibunuh*, itupun jikalau berlaku pada hukum Syarak.
- (78) ... jikalau sebagaimana sekalipun besar dosanya, tiada *diikat* dan *digantung* dan *difadhiatkan* dengan kata-kata yang jahat
- (79) maka *dipeluk* dicium baginda, serta ditangisinya.
- (80) Maka Sang Sapurba dua laki isteripun *diarak* tujuh kali berkeliling panca Persada itu.

Dalam bahan yang dikaji, kelihatan bahawa ayat pasif jenis ini lazimnya hadir dalam ayat yang berderetan ayat pasifnya, seperti dalam ayat (77) - (79). Ayat (80) merupakan kekecualian, dan jumlah yang tercatat di atas merupakan semua contoh yang ditemui.

Binaan pendepanan frasa oleh + FN

Dua contoh ayat ditemui dengan binaan yang agak berbeza dan yang jarang ditemui dalam bahasa Melayu kini. Dua ayat berkenaan ialah:

- (81) *Maka oleh Raja Aftabul Ard* diberinya seekor lembu ...
- (82) *Maka oleh Sang Sapurba* segala raja-raja yang datang itu, semuanya diberi persalin.

Kedua-dua ayat di atas terdiri daripada ayat pasif dengan binaan (i), iaitu subjek diikuti oleh kata kerja pasif dengan frasa *oleh + FN*, yang kemudiannya mengalami proses pendepanan frasa *oleh + FN*. Ayat asal kedua-duanya ialah:

- 81 (a) Maka seekor lembu diberi *oleh Raja Aftabul Ard*.
- 82 (a) Segala raja-raja yang datang itu diberi persalinan *oleh Sang Sapurba*.

Dalam bahasa Melayu gejala ini disebut proses pendepanan sebahagian daripada predikat ayat. Tujuan utama berlaku proses pendepanan adalah untuk membawa ke hadapan bahagian yang dianggap penting. Dalam hal ini, frasa nama pelengkap pelaku dirasakan perlu diberi tekanan, maka bahagian tersebut dibawa ke hadapan ayat.

Binaan ayat pasif seperti ini agak popular dalam bahasa Melayu lama, walaupun dalam bahan ini, yang meliputi hanya enam halaman, jumlahnya agak kecil. Namun begitu, binaan ini tidak begitu digunakan dalam bahasa Melayu zaman sekarang.

Kesimpulannya, binaan ayat pasif dalam bahasa Melayu *Sejarah Melayu* terdapat dengan agak banyaknya, walaupun terhad kepada satu bentuk yang digemari, iaitu ayat pasif dengan kata kerja pasif orang ketiga berawalan *di-*. Namun, terdapat beberapa variasi yang menarik, dan ada yang masih digunakan dalam bahasa Melayu zaman ini.

AYAT MAJMUK

Seperti yang telah diterangkan terdahulu, ayat majmuk dalam bahasa Melayu terdiri daripada tiga jenis, iaitu (i) ayat majmuk gabungan, (ii) ayat majmuk pancangan, dan (iii) ayat majmuk campuran. Bahagian ini seterusnya akan menumpukan perhatian kepada ayat majmuk dalam *Sejarah Melayu*.

Ayat Majmuk Gabungan

Ayat majmuk gabungan ialah ayat yang terdiri daripada cantuman dua ayat atau lebih yang dijadikan satu dengan cara mencantumkan ayat-ayat tersebut dengan kata hubung gabungan seperti *dan*, *tetapi*, *atau*, *seraya*, *lalu*, *malahan*, *manakala*, dan sebagainya.

Penelitian terhadap bahan yang dikaji memperlihatkan jumlah yang besar ayat majmuk yang digunakan dalam *Sejarah Melayu* terdiri daripada ayat majmuk gabungan. Daripada ayat majmuk gabungan jenis ini, binaan yang popular ialah binaan yang berbentuk deretan dua ayat atau lebih dengan kata hubung *dan*, seperti kelihatan dalam contoh berikut:

- (83) Maka yang tua dinamai oleh Raja Aftabul Ard Nila Pahlawan, *dan* yang tengah dinamai Kerisyana Pandita, *dan* yang bungsunya dinamai Nila Utama.
- (84) Maka dilihatnya padinya berbuah emas *dan* berdaunkan perak *dan* batangnya tembaga suasa.

Dua contoh di atas menunjukkan gabungan tiga ayat, setiap ayat digabungkan dengan kata hubung *dan*. Terdapat juga ayat lebih panjang deretannya, yakni lebih daripada tiga ayat, digabungkan juga dengan kata hubung *dan*.

- (85) ... nisab kami daripada Raja Nusyirwan Adil, raja masyrik *dan* maghrib, *dan* pancar kami daripada Raja Sulaiman alaihissalam, *dan* nama kami seorang ini Nila Pahlawan, *dan* yang seorang ini Kerisyana Pandita, *dan* yang seorang Nila Utama; *dan* pedang kami ini Corek Mandang Kini namanya, *dan* lembing kami ini Lembuara namanya, yang satu ini cap kayu Kempa namanya, *dan* apabila memberi surat pada raja-raja cap inilah dicapkan.

Dalam ayat di atas terdapat lapan *dan* digunakan dengan setiap ayat merupakan ayat tunggal diikuti oleh ayat tunggal juga. Pola ini amat digemari, walaupun tidak sepanjang ayat yang diberikan seperti contoh di atas. Di samping itu, terdapat ayat-ayat yang digabungkan secara deretan, satu demi satu, dengan tanda baca koma sebagai menggantikan kata hubung *dan* yang telah digugurkan. Perhatikan contoh yang berikut:

- (86) Ada sebuah negeri di tanah Andelas, Perlembang namanya, Demang Lebar Daun nama rajanya, asalnya daripada anak cucu Raja Suran, Muara Tatang nama sungainya.

Ayat di atas terdiri daripada empat ayat tunggal yang digabungkan menjadi satu ayat majmuk gabungan. Ayat-ayat tersebut dipisahkan oleh tanda koma yang menggantikan kata hubung *dan*. Ayat berikut pula (ayat 87) ialah contoh kedua, dengan tiga deretan ayat tunggal disusun secara berderetan, dan sekali lagi dihubungkan dengan tanda koma sebagai mengganti kata hubung *dan*; ayat keempat dihubungkan dengan kata hubung *dan*.

- (87) Adalah akan ayahmu itu anak Raja Iskandar Zulkarnain, nisab Sulaiman alaihis salam, pancar Nusyirwan Adil, raja masyrik *dan* maghrib.

Selain hadir secara berderetan dengan atau tanpa kata hubung *dan*, terdapat juga ayat majmuk gabungan dengan kata-kata hubung lain seperti *lalu*, *seraya*, *serta* dan *tetapi*. Perhatikan contoh-contoh berikut:

- (88) Maka ketiga anak raja itupun naiklah ke atas lembu itu, *lalu* berjalanlah keluar.
(89) Setelah ketiga anak raja itu menengar kata nenda baginda itu, terlalu sukacitanya, *seraya* katanya ...
(90) ... maka dipeluk dicium baginda, *serta* ditangisinya.
(91) Akan pinta bapa itu hamba kabulkanlah, *tetapi* hamba minta satu janji pada bapa hamba.

Kadang-kadang unsur kesinambungan ayat yang berderetan dinyatakan bukan melalui kata hubung gabungan tetapi melalui

penanda wacana *maka*, yang berfungsi menghubungkan ayat sebelum dengan ayat selepasnya. Perhatikan dua contoh berikut:

- (92) Maka Wan Empuk dan Wan Malini pun percayalah akan kata orang muda itu, *maka* ia pun terlalu sukacita.
- (93) Telah terdengarlah pada Demang Lebar Daun bahwa Wan Empuk dan Wan Malini mendapat anak raja turun dari keinderaan itu, *maka* Demang Lebar Daun pun datang menghadap ...

Berdasarkan *Cetera Yang Kedua*, kelihatan bahawa binaan pola ayat majmuk gabungan yang paling popular ialah dengan kata hubung gabungan *dan*, dalam pelbagai variasi.

Ayat Majmuk Pancangan

Ayat majmuk pancangan ialah ayat yang terdiri daripada satu klausa bebas (ayat induk) dan satu klausa tak bebas (ayat kecil) atau lebih. Ayat majmuk pancangan terdiri daripada tiga jenis, iaitu (i) ayat majmuk keterangan, (ii) ayat majmuk relatif dan (iii) ayat majmuk komplemen.

Daripada tiga jenis ayat majmuk ini, yang terdapat dengan banyaknya dalam bahan yang dikaji, iaitu sebanyak enam halaman pertama *Cetera Yang Kedua* ialah ayat majmuk pancangan keterangan, sebanyak 17. Hanya tiga ayat ditemui terdiri daripada ayat majmuk pancangan komplemen, manakala jumlah ayat majmuk pancangan relatif ditemui sebanyak tujuh. Yang berikut ialah satu contoh bagi setiap jenis ayat majmuk pancangan.

- (94) *Setelah* sudah berwaadat berteguh-teguh janji, maka tuan putri anak Demang Lebar Daun ... itupun dipersembahkan ... ke bawah Duli Sapurba. – ayat majmuk pancangan keterangan
- (95) Adapun Bat itulah daripada anak cucunya asal orang *yang* membaca ciri dahulu kala. – ayat majmuk pancangan relatif
- (96) Hatta, masyhurlah pada segala negeri di dalam dunia ini *bahwa* anak cucu Raja Iskandar Zulkarnain ... – ayat majmuk pancangan komplemen

Ayat Majmuk Pancangan Keterangan

Oleh sebab jumlah ayat majmuk keterangan, secara bandingan, jauh lebih banyak digunakan daripada jenis-jenis lain, berikut dibuat huraian ringkas.

Mengikut *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga* (2008), terdapat sembilan jenis ayat majmuk keterangan, iaitu dengan keterangan-keterangan (i) musabab, (ii) akibat, (iii) syarat, (iv) waktu, (v) pertentangan, (vi) harapan, (vii) cara, (viii) tujuan, dan (ix) perbandingan. Dalam bahan yang dikaji, hanya tiga jenis dijumpai, iaitu keterangan waktu, keterangan syarat dan keterangan sebab. Yang paling banyak ialah keterangan waktu dan syarat, masing-masing berjumlah sembilan dan tujuh; hanya satu keterangan sebab ditemui.

Kata hubung keterangan waktu yang digunakan oleh pengarang *Sejarah Melayu* ialah *setelah*, yang kadang-kadang bertukar ganti dengan *telah*. Yang berikut ialah tiga contoh ayat majmuk keterangan jenis ini, dua dengan *setelah* dan yang ketiga dengan *telah*.

- (97) *Setelah* sudah mandi, maka Sang Sapurba pun bersalin kain selengkap tubuh.
- (98) *Setelah* sudah santap, maka Bat membubuh pancara di telinga raja kedua laki isteri.
- (99) *Telah* berapa lamanya Sang Sapurba duduk dengan Wan Sendari itu, maka baginda pun beranak empat orang ...

Perhatikan bahawa susunan ketiga-tiga ayat di atas berbentuk serupa, iaitu ayat kecil telah dikedepankan. Dengan kata lain, telah berlaku proses pendepanan ayat kecil dalam ayat majmuk keterangan, menandakan bahawa unsur keterangan itu lebih dipentingkan.

Ayat Majmuk Campuran

Ayat majmuk campuran ialah ayat majmuk yang mempunyai lebih daripada satu jenis ayat majmuk, yakni ayat yang panjang, yang terdiri daripada gabungan beberapa jenis ayat majmuk. Dalam bahan yang dikaji, jumlah ayat majmuk jenis ini terdapat dengan agak banyaknya juga. Yang berikut ialah beberapa contoh.

- (100) Maka oleh Raja Aftabul Ard ketiga cunda baginda itu diberinya memakai alat kerajaan dengan lengkapnya pakaian anak raja-raja *yang* bertatahkan ratna mutu manikam, *serta* dikenakannya mahkota itu ketiganya.

Ayat majmuk campuran di atas terdiri daripada dua jenis ayat majmuk, iaitu ayat majmuk pancangan relatif dengan kata hubung *yang* dan ayat majmuk gabungan dengan kata hubung *serta*.

- (101) Setelah sudah mandi, maka Sang Sapurba pun bersalin kain selengkap tubuh, *lalu* memakai pakaian ...

Ayat di atas terdiri daripada cantuman ayat majmuk keterangan dengan kata hubung *setelah* dan ayat majmuk gabungan dengan kata hubung *lalu*.

Yang berikut pula ialah ayat majmuk campuran dengan tiga ayat majmuk, iaitu yang terdiri daripada ayat majmuk keterangan dengan kata hubung *jikalau*, ayat majmuk gabungan dengan kata hubung *dan*, dan ayat majmuk relatif dengan kata hubung *yang*.

- (102) ... *jikalau* sebagaimana sekalipun besar dosanya, tiada diikat *dan* digantung *dan* difadhihatkan dengan kata-kata *yang* jahat.

Contoh seterusnya terdiri daripada cantuman ayat majmuk komplemen dengan kata hubung *bahawa*, ayat majmuk relatif dengan kata hubung *yang*, dan ayat majmuk gabungan dengan kata hubung *dan* yang telah digugurkan.

- (103) Hatta, masyhurlah pada segala negeri di dalam dunia ini *bahwa* (bahawa) anak cucu Raja Iskandar Zulkarnain *yang* daripada bangsa Hindustan turun ke Bukit Siguntang Mahameru, [*dan*] sekarang ada di negeri Palembang.

Seterusnya diberikan tiga lagi contoh ayat majmuk campuran daripada sampel yang dikaji.

- (104) *Jikalau* anak patik Tuanku peristeri, nescaya (baca *dan*) kedal ia; *tetapi jikalau* Tuanku mau berwaadat dengan patik, *maka* patik persembahkan anak patik ke bawah Duli Yang Dipertuan.

- (105) Hendaklah pada akhir zaman kelak anak cucu bapa hamba jangan durhaka pada anak cucu kita, *jikalau* ia zalim dan jahat pekerti sekalipun.
- (106) Syahdan, segala anak Melayu *pun* dianugerahkan Allah subhanahu waatala tiada pernah durhaka dan memalingkan muka pada rajanya, *jikalau* jahat pekerti sekalipun *serta* aniaya.

PENGGUNAAN KATA PANGKAL AYAT

Satu ciri yang ketara tentang binaan ayat dalam *Sejarah Melayu* dan teks Melayu lama yang lain ialah penggunaan kata pangkal ayat. Kata pangkal ayat ialah perkataan yang hadir di hadapan ayat yang menjadi penanda kesinambungan buah fikiran atau jalinan cerita dalam wacana. Antara contoh kata pangkal ayat ialah *maka*, *syahdan*, *kalakian*, *sebermula*, *adapun*, *arakan* dan *alkisah*. Yang berikut ialah beberapa contoh yang ditemui dalam bahan yang dikaji.

- (107) *Sebermula*, maka tersebutlah perkataan anak Raja Suran
...
- (108) *Maka* pada malam itu dipandang oleh Wan Empuk dan Wan Malini dari rumahnya, di atas bukit Siguntang itu bernyala-nyala seperti api.
- (109) *Syahdan*, maka raja itupun digelar oleh Bat itu Sang Sapurba Taramberi Teribuana.
- (110) *Adapun* Demang Lebar Daunlah yang pertama punya bahasa ‘Yang Dipertuan’ dan ‘patik’.
- (111) *Kalakian*, ada seorang anak ceteria China, terlalu baik serupanya.
- (112) *Hatta*, masyhurlah pada segala negeri di dalam dunia ini
...

Antara enam kata pangkal ayat di atas, yang paling banyak digunakan ialah *maka*. Penggunaan *maka* berulang-ulang, dan kadang-kadang hadir berserta kata pangkal ayat lain, misalnya dengan *sebermula* dan *syahdan*.

Dapat dilihat juga bahawa wujud dua jenis kata pangkal ayat. Jenis yang pertama wujud sebagai unsur untuk memulakan sesuatu kisah atau cerita, iaitu perkataan-perkataan seperti *sebermula*, *syahdan* dan *alkisah*. Turut tergolong ke dalam kategori ini ialah *adapun*,

yang membawa maksud mengenai atau perihal dan digunakan untuk memulakan penceritaan. Jenis yang kedua ialah yang bertujuan untuk mewujudkan unsur kesinambungan antara apa yang diperkatakan terdahulu dengan huraian selanjutnya. *Maka* membawa maksud sudah itu dan lalu, manakala *kalakian* bererti kala itu, ketika itu, kemudian dan lalu. *Hatta* juga bermaksud lalu, dari itu, dan hingga, sementara *arakian* membawa erti sesudah itu.

KESIMPULAN: GAYA KEPENGARANGAN *SEJARAH MELAYU* DARI SUDUT BINAAN AYAT

Telah dihuraikan beberapa aspek binaan ayat dalam *Sejarah Melayu* berdasarkan *Cetera Yang Kedua*. Satu ciri yang ketara ialah laras bahasa yang digunakan ialah laras penceritaan atau naratif, dengan setiap perkara dinyatakan satu pesatu, ayat demi ayat. Dari segi binaan ayat, pola yang digemari ialah ayat-ayat tunggal yang pendek, lazimnya berpola FN + FK dan FN + FN disusun satu persatu dalam bentuk ayat majmuk gabungan yang panjang. Dalam ayat sedemikian, fakta-fakta yang ingin disampaikan disusun secara berderetan, dipisahkan oleh koma dan kata hubung gabungan *dan*, seperti yang dapat dilihat dalam contoh di bawah.

- (113) Maka ada dua orang perempuan berladang, Wan Empuk seorang namanya, dan Wan Malini seorang namanya; dan keduanya itu berhuma di Bukit Siguntang itu terlalu luas humanya itu, syahdan terlalu jadi padinya, tiada dapat terkatakan; telah hampirlah masak padi itu.

Ayat di atas terdiri daripada deretan lapan ayat, kesemuanya membawa keterangan tentang dua orang perempuan yang tinggal di Bukit Siguntang, tempat anak-anak Raja Suran turun dari keinderaan, dan tentang pekerjaan mereka. Ayat-ayat tunggal yang pendek-pendek itu dikaitkan antara satu sama lain melalui unsur deretan atau urutan dan ditandai oleh tanda baca koma, kata hubung *dan* dan penanda wacana *syahdan*.

Dalam petikan yang pendek ini, dapat dilihat beberapa aspek binaan ayat seperti yang telah dibincangkan terdahulu. Pertama ialah kehadiran tiga daripada empat pola ayat dasar dalam bahasa Melayu, iaitu FN + FN (*Wan Empuk seorang namanya*), FN + FK (*Keduanya itu berhuma di Bukit Siguntang*) dan pola FN + FA (*Terlalu luas*

humanya). Kedua, kegemaran terhadap ayat susunan songsang amat ketara, misalnya dalam ayat *Telalu jadi padinya* dan *Telah hampirlah masak padi itu*.

Turut kelihatan juga ialah kegemaran kepada penggunaan kata pangkal ayat. Dalam petikan yang pendek itu terdapat dua kata sedemikian, iaitu *maka* dan *syahdan*. Seperti yang telah dihuraikan terdahulu, kehadiran kata pangkal ayat ini amat banyak dalam *Sejarah Melayu* kerana teknik ini digunakan sebagai satu cara bagi mewujudkan ciri-ciri kohesi dan koheren dalam wacana, dan yang menjadi teknik yang digemari dalam tulisan-tulisan Melayu zaman lampau. Laras penceritaan serta usaha-usaha untuk mewujudkan kohesi dan koheren ini juga dapat dilihat melalui penggunaan ayat majmuk keterangan waktu susunan songsang, dengan unsur keterangan waktu dikedepankan, dengan demikian memberi gambaran tentang peredaran masa. Perhatikan dua contoh berikut.

- (114) *Setelah sudah berwaadat berteguh-teguh janji*, maka tuan putri anak Demang Lebar Daun ... dipersembahkan ... ke bawah Duli Sapurba.
- (115) *Setelah Permaisuri Iskandar Syah mendengar khabar itu*, maka baginda pun menitahkan Perdana Menteri ... menjemput Sang Sapurba.

Ayat kecil keterangan waktu dalam kedua-dua ayat di atas berfungsi memberi gambaran berlakunya sesuatu peristiwa diikuti oleh peristiwa seterusnya. Perhatikan juga bahawa kata pangkal ayat *maka* turut digunakan dalam kedua-dua ayat di atas untuk menekankan lagi perlakuan yang berurutan itu, yakni kesinambungan fakta.

Satu lagi ciri kepengarangan dalam sampel yang dikaji ialah aspek huraian terperinci, yang menekankan setiap detik dan peristiwa secara berututan, sehingga menyebut perkara-perkara yang telah sedia maklum. Perhatikan contoh berikut yang menggambarkan pelayaran Sang Sapurba dari Kuala Palembang ke Tanjung Pura dan layanan yang diterima daripada Raja Tanjung Pura.

- (116) Setelah keluar dari Kuala Palembang, lalu berlayar menuju selatan, enam hari enam malam, jatuh ke Tanjung Pura. Maka Raja Tanjung Pura pun keluar mengalu-alukan baginda dengan serba kebesaran dan kemuliaan, dibawanya masuk ke negeri, didudukkannya di atas singgahsana kerajaan, dihormatinya dengan sepertinya.

Turut kelihatan dalam petikan di atas ialah kegemaran kepada kata kerja tak transitif (keluar, berlayar, dan jatuh) dan ayat pasif orang ketiga dengan awalan *di-* (dibawanya, diduduknya dan dihormatinya). Perhatikan juga bentuk pasif orang ketiga yang digemari ialah binaan FN subjek + KKpas + -nya.

Ciri kegemaran kepada ayat pasif orang ketiga dengan awalan *di-* telah dihuraikan. Sekadar menambahkan contoh ayat, yang berikut ialah petikan lapan ayat pertama sebuah perenggan dengan tujuh daripadanya terdiri daripada ayat pasif orang ketiga dengan awalan *di-*.

- (117) Adapun kasad Permaisuri Iskandar Syah hendak *diambil* baginda akan suami (1). Setelah *dilihat* muda (2), maka *diambil* baginda akan saudara (3). Terlalu kasih Permaisuri Iskandar Syah akan Sang Sapurba (4), dan sangat *dipermulia* baginda (5), Maka Sang Nila Utama, anak Sang Sapurba, *diambil* baginda akan menantu (6), *didudukkan* baginda dengan anakanda baginda yang bernama Wan Seri Beni itu (7); maka *dinobatkan* sekali akan ganti baginda (8).

Daripada huraian ringkas tentang binaan ayat dalam *Sejarah Melayu* berdasarkan *Cetera Yang Kedua*, jelas kelihatan aspek kepelbagaian dan keanekaannya. Dari satu sudut, kajian ini berharap menjadi bukti kepada para pembaca, terutama golongan muda, tentang keindahan dan seterusnya kelincahan bahasa Melayu lama. Walaupun lenggoknya tidak seperti lenggok bahasa Melayu kini, jangan dijadikan cita rasa yang berbeza ini alasan untuk menolak sesuatu yang telah lalu. Keanekaan binaan ayat Melayu dalam buku ini kelihatan segar, bertenaga dan indah, dipandang dari perspektif pengarang dan zaman karya ini dihasilkan. Marilah kita membawa perspektif baharu dalam menghayati *Sejarah Melayu*.

RUJUKAN

- Arockiamary Savarimuthu. (1987). *Ayat majmuk dalam Sejarah Melayu*. (Latihan ilmiah ijazah dasar tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

- Arockiamary Savarimuthu. (1992). *Ayat majmuk dalam Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (2009). *Pola ayat dalam Sulalatus Salatin. Sintaksis bahasa Melayu bersumberkan karya sastera*. (hlm.70-190). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fazidah Ani Ab. Rahman. (1996). *Kata ganda dalam bahasa Melayu: Analisis terhadap teks Sejarah Melayu*. (Latihan ilmiah ijazah dasar yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Halele Ulul Azmi. (1998). *Ayat Interogatif dalam karya klasik Sejarah Melayu: Satu analisis transformasi generatif*. (Latihan ilmiah ijazah dasar yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mashudi Kader & Syed Zainal Ariff Syed Jamaluddin. (2008). Morfologi dan sintaksis dalam *Sulalat-us-Salatin: Satu analisis linguistik*. Dlm. Abdul Rahman Haji Ismail & Haron Daud (pnyt.). *Sulalat-us-Salatin (Sejarah Melayu): Cerakinan sejarah, budaya dan bahasa*. (hlm.110-134). Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2008). *Tatabahasa Dewan Edisi ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim. (1997, Jun). Beberapa aspek penggunaan bahasa dalam Sejarah Melayu. *Jurnal Dewan Bahasa*, 41(6), 484-490.
- Rosyatimah Abdullah @ Abd. Razak. (2004). *Kata ganda dalam teks Sejarah Melayu*. (Latihan ilmiah ijazah dasar yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Shellabear, W. G. (pengusaha). (1979). *Sejarah Melayu*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

LAMPIRAN

Dalam Lampiran ini disenaraikan beberapa contoh ayat yang ditemui dalam bahan kajian.

SUSUNAN BIASA (S + P)

POLA FRASA NAMA + FRASA NAMA (FN + FN)

- (1) Perlembang namanya.
- (2) Demang Lebar Daun nama rajanya.
- (3) Kendaraannya lembu putih seperti perak rupanya.
- (4) Kami ini bangsa manusia.
- (5) Dan yang seorang ini Kerisyana Pandita.
- (6) Yang satu ini cap kayu.

- (7) Putri Seri Dewi seorang namanya.
- (8) Kenaikan baginda lancang emas pembujangan.
- (9) Adapun pada zaman itu ratu Majapahit itu raja besar.
- (10) Adapun Raja Bentan itu perempuan.
- (11) Adapun akan baginda itu raja besar.
- (12) Tatkala itu kelengkapan Bentan empat ratus banyaknya.

POLA FRASA NAMA + FRASA KERJA (FN + FK)

- (1) Maka ketiga anak raja itu bertanyakan ayahnya kepada nenda baginda Raja Aftabul Ard.
- (2) Maka keduanya naik ke atas Bukit Siguntang itu.
- (3) Maka ia berjalan pula ke Bukit Siguntang itu.
- (4) Yang seorang itu memakai pakaian kerajaan.
- (5) Dan yang dua orang itu berdiri di sisinya.
- (6) Seorang memegang pedang kerajaan.
- (7) Dan tanah bukit ini pun menjadi seperti warna emas ini.
- (8) Maka baginda pun naiklah ke atas kendaraan baginda lembu putih itu.
- (9) Demang Lebar Daun ada beranak seorang perempuan.
- (10) Adapun Tuanku, segala anak cucu patik sedia akan jadi hamba ke bawah Duli Yang Dipertuan.
- (11) Maka Sang Sapurba pun kahwinlah dengan Wan Sendari.
- (12) Maka Demang Lebar Daun pun segera datang.
- (13) Maka baginda laki-isteri pun berangkat ke Palembang.
- (14) Bat menukangnya.
- (15) Kedua baginda memakai dengan selengkap pakaian kerajaan.
- (16) Maka baginda dua laki-isteri pun santaplah.
- (17) Maka Sang Sapurba pun mesyuarat dengan segala menteri.
- (18) Maka utusan itu pun bermohonlah ke bawah Duli Sang Sapurba.
- (19) Maka Permaisuri Iskandar Syah bertitah kepada Indera Bupala dan Aria Bupala.
- (20) Telah itu maka Sang Sapurba pun bermohonlah pada Permaisuri Iskandar Syah.
- (21) Marilah kita mudik ke hulu sungai ini.
- (22) Tempat mengambil air pun tiada.

POLA FRASA NAMA + FRASA ADJEKTIF (FN + FA)

- (1) Dan pakaiannya pun terlalu indah-indah.
- (2) Maka ia pun terlalu sukacita.
- (3) Suatu pun tiada merbahayanya.

- (4) Maka ia pun terlalu sukacita.
- (5) Maka menteri utusan Raja China itu pun terlalu sukacita.
- (6) Tetapi Corek Semandang Kini itu sumbing seratus sembilan puluh banyaknya.

POLA FRASA NAMA + FRASA SENDI NAMA (FN + FS)

- (1) Asalnya daripada anak cucu Raja Suran.
- (2) Asal kami daripada anak cucu Raja Iskandar Zulkarnain.
- (3) Nisab kami daripada Raja Nusyirwan Adil.
- (4) Dan pancar kami daripada Raja Sulaiman alaihis salam.
- (5) Sekaliannya dengan persembahannya.
- (6) Dan permaisuri di lancang perak.
- (7) Rupa tiangnya seperti pohon kayu.
- (8) Dan rupa tunggul panji-panji seperti awan berarak.
- (9) Dan rupa payung segala raja-raja seperti mega berangkat.
- (10) Asalnya daripada anak cucu Raja Iskandar Zulkarnain.

SUSUNAN SONGSANG (P + S)

POLA FRASA NAMA + FRASA NAMA (FN + FN)

- (1) Inilah yang kita lihat semalam itu.
- (2) Itulah Gunung Lingga.
- (3) Bagindalah yang pertama nobat.
- (4) Lagi pada zaman itu ialah yang pergi ke benua Siam.

POLA FRASA NAMA + FRASA KERJA (FN + FK)

- (1) Kata sahibul hikayat.
- (2) Ada sebuah negeri di tanah Andelas.
- (3) Maka di hulu Muara Tatang itu ada sebuah sungai.
- (4) Maka sahut Raja Aftabul Ard.
- (5) Maka sembah Demang Lebar Daun.
- (6) Maka titah Sang Sapurba.
- (7) Maka sembah Demang Lebar Daun ke bawah Duli Sang Sapurba.
- (8) Maka titah Sang Sapurba pada Demang Lebar Daun.
- (9) Maka kata Demang Lebar Daun pada saudaranya.
- (10) Luka pun ia tiada.
- (11) Maka ada seorang hulubalang baginda.

POLA FRASA NAMA + FRASA ADJEKTIF (FN + FA)

- (1) Syahdan terlalu jadi padinya.
- (2) Telah hampirah masak padi itu.
- (3) Setelah besarlah, terlalu baik parasnya anak raja ketiga itu.
- (4) Terlalu sukacitanya.
- (5) Dahulu kala negeri itu terlalu besar.
- (6) Maka terlalulah sukacita baginda.
- (7) Maka terlalulah indah-indah pakaianya ini.
- (8) Maka terlalulah sukacita baginda.

POLA FRASA NAMA + FRASA SENDI NAMA (FN + FS)

- (1) Di hulunya Gunung Mahameru.
- (2) Pada suatu ceritera baginda itu daripada anak cucu Putra Asmara Ningrat.

Nota

- ¹ Untuk bahagian analisis ini penomboran ayat bermula dengan nombor 1.